

# 'Percaturan politik punca hilang kuasa'

Perubahan tampuk pimpinan kerajaan turut berlaku di negara-negara barat sebelum ini

Oleh ZUBIR SULAIMAN  
dan MOHD HAFIZ ISMAIL

SHAH ALAM

**P**erubahan tampuk ke-pimpinan kerajaan yang berlaku ketika ini bukanlah sesuatu perkara baharu kerana situasi sama turut berlaku di negara-negara barat sebelum ini.

Pensyarah Kanan Fakulti Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Syed Agil Syed Alsagoff berkata, disebabkan percaturan politik, maka parti pemerintah terpaksa 'gulung tikar' dan diambil alih parti lain, namun ada beberapa kaedah yang digunakan oleh parti-parti



Dari kiri: Azlan Shah, Mohd Shaid, Wan Hasrina dan Syed Agil pada Wacana *Sinar Harian* Siri ke-174 bertajuk 'Kerajaan Pilihan Pengundi atau Pencatur Politik?' di Dewan Karangkrak, Seksyen 15, Shah Alam malam kelmarin.

politik untuk mengambil alih kerajaan antaranya termasuklah melalui pilihan raya dan juga seperti apa yang berlaku di Malaysia ketika ini.

"Pembangkang akan mengambil alih kepimpinan kerajaan setelah mendapat kepercayaan dan kedudukan selesa untuk menguasai pemerintahan sedia ada.

"Saya nampak apa yang berlaku ini adalah satu kematangan dan bukannya normal baharu.

Apa yang berlaku sekarang ialah rakyat memerhati strategi digunakan oleh kerajaan memerintah sebagai satu teras untuk mereka membentuk kerajaan yang lebih dinamik dan menjaga kebajikan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian selaku panelis pada Wacana *Sinar Harian* Siri ke-174 bertajuk 'Kerajaan Pilihan Pengundi atau Pencatur Politik?' di Dewan Karangkrak, Seksyen 15 di sini.

Turut hadir sebagai panelis ialah Pengarah Strategik dan Pengurusan Risiko Muslimat Pas, Wan Hasrina Wan Hassan dan Ahli Dewan Undangan Negeri Jeram, Selangor, Mohd Shaid Rosli manakala Azlan Shah Nabees Khan bertindak sebagai moderator.

Sementara itu, Wan Hasrina berkata, pencatur politik bukan hanya wujud dalam Perikatan Nasional (PN) sebaliknya ia juga

ada dalam Pakatan Harapan (PH) itu sendiri.

"Sehingga sekarang soal perebutan kuasa masih belum selesai dalam kalangan pemimpin dalam PH. Tidak perlu saya namakan sesiapa tetapi rakyat yang celik politik pasti mengetahui siapa individu tersebut.

"Jika ada yang mengatakan Pas bersama dengan pencatur politik dalam PN, sebenarnya rakyat telah berikan masa dan peluang kepada PH untuk menadbir negara tetapi apa yang berlaku?" tanya beliau.

Katanya, rakyat telah memberikan peluang kepada PH pada PRU lepas tetapi selepas 22 bulan memerintah, keadaan politik tidak stabil, ekonomi semakin teruk dan kurang keyakinan pelabur menyebabkan PH dilihat hilang kredibiliti.

Jelasnya, keruntuhan kerajaan PH bukan disebabkan oleh tindakan Pas sebaliknya berpunca daripada pergolakan dalaman PH sendiri.